



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI  
MAKANAN  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051  
(KPPV)  
Email: [kp@dvs.gov.my](mailto:kp@dvs.gov.my)**



---

## KENYATAAN MEDIA

### MINGGU KESEDARAN ANTIMIKROBIAL SEDUNIA 2021

**Putrajaya, 22 Oktober 2021**

1. Bersempena dengan Minggu Kesedaran Antimikrobial Sedunia 2021, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan kerjasama *Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA)* dan *Federation of Asian Veterinary Association (FAVA)* telah menganjurkan webinar kesedaran antimikrobial selama dua hari pada 21 dan 22 Oktober 2021.
2. Webinar ini diadakan bertujuan memupuk kesedaran awam, pekerja kesihatan, penternak, pengilang makanan haiwan, penjual ubatan haiwan, profesional kesihatan haiwan dan pembuat dasar mengenai kepentingan kerintangan antimikrobial pada haiwan dan kesannya kepada manusia. Seramai 400 peserta telah menghadiri webinar secara atas talian.
3. Kerintangan antimikrobial atau *antimicrobial resistance (AMR)* berlaku apabila mikroorganisma seperti bakteria, virus, fungi dan parasit berubah dari semasa ke semasa dan penggunaan ubatan antimikrobial diamalkan secara tidak berhemah yang mengakibatkan ianya menjadi tidak berkesan untuk menyembuhkan jangkitan mikroorganisma pada haiwan dan manusia.
4. Isu AMR telah dikenalpasti sebagai ancaman kesihatan global yang semakin meruncing dan memerlukan perhatian serius semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kesihatan haiwan dan kesihatan manusia.
5. Pengawalan AMR memerlukan perancangan strategik melalui penglibatan multisektoral bagi mewujudkan pelan tindakan dan penyelarasan dasar kesihatan awam, kesihatan haiwan dan alam sekitar.
6. Gabungan World Health Organization (WHO), Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO) dan World Organization for Animal

7. Health (OIE) telah mengambil pendekatan '*One Health*' yang holistik dan bersepadu bagi menangani ancaman dan masalah kesihatan terutama berkaitan penyakit zoonotik, keselamatan makanan dan AMR.
8. DVS sebagai jabatan di bawah MAFI yang bertanggung jawab dalam perkhidmatan kesihatan haiwan telah menyediakan pelan perancangan strategik bagi menangani isu AMR menerusi *Malaysian Action Plan on AMR* (myAP-AMR).
9. Polisi berkaitan larangan penggunaan beberapa antibiotik yang dikategorikan sebagai *critically important for human* telah dikuatkuasakan secara *phasing out policy* bermula tahun 2019. Larangan penggunaan antibiotik colistin dalam makanan haiwan bagi tujuan pencegahan (*prophylaxis*) dan agen tumbesaran (*growth promoter*) telah dikuatkuasakan bermula tahun 2019. Sementara enam (6) lagi antibiotik iaitu erythromycin, enrofloxacin, tylosin, ceftiofur, tetracycline dan fosfomycin berkuatkuasa tahun 2021.
10. DVS juga telah mengeluarkan Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) mengenai preskripsi ubatan veterinar dan *Malaysia Veterinary Antimicrobial Guidelines* (MVAG) 2021, sebagai panduan kepada pengamal perubatan veterinar bagi penggunaan drug veterinar secara berhemah.
11. Penternak digalakan menggunakan kaedah atau bahan alternatif seperti probiotik, prebiotik, antimicrobial peptides serta vaksin bagi mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan antibiotik pada haiwan atau makanan haiwan.
12. Bersesuaian dengan tema Minggu Kesedaran Antimikrobial Sedunia 2021 "**Spread Awareness, Stop Resistance**" DVS turut melancarkan bahan interaktif kempen kesedaran AMR iaitu *Antimicrobial Resistance Educational Tool Kits* (ARAT) sebagai bahan sokongan pembelajaran mengenai AMR untuk pelajar sekolah di peringkat Pra Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Pelajar Veterinar.

Disediakan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Putrajaya  
22 Oktober 2021